

28/02/1997

## Penerapan budaya kerja cemerlang

Nik Yahya Abd Rahman

PERKHIDMATAN berkualiti hanya boleh dilakukan jika anggota perkhidmatan awam mempunyai dan mengamalkan budaya kerja cemerlang. Berasaskan hakikat itulah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang pada 27 November 1989.

Menurut Dr Mahathir: "Budaya sesuatu masyarakat adalah faktor utama menentukan maju mundurnya masyarakat itu. Budaya bukan dicerminkan oleh kesenian dan aspek fizikal lain, tetapi oleh nilai yang diamalkan.

Memahami hasrat inilah kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk memastikan kakitangan perkhidmatan awam menghayati dan melaksanakan budaya kerja cemerlang di semua peringkat perkhidmatan yang membabitkan semua peringkat pegawai."

Untuk memastikan kejayaan gerakan budaya kerja cemerlang berterusan, pemahaman mendalam mengenai konsep kualiti di kalangan anggota perkhidmatan awam termasuk warga Kementerian Pertanian, adalah penting. Sebab itulah, Kementerian Pertanian mengadakan Perhimpunan Perkhidmatan Kualiti 1996 pada 31 Oktober lalu. Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud merasmikan majlis itu.

Dr Sulaiman menegaskan bahawa apa jua yang dibuat oleh mereka mempunyai kesan terhadap masyarakat khususnya pelanggan Kementerian Pertanian, iaitu petani, penternak, nelayan, usahawan, ahli korporat, kakitangan jabatan atau kementerian lain dan orang ramai.

Baginya kakitangan kementerian bertanggungjawab menangani masalah urusan hidup masyarakat serta menterjemah dan melaksanakan segala dasar dan pendekatan bagi memudahkan urusan mereka, pertumbuhan ekonomi, menguatkuasakan undang-undang dan mewujudkan suasana yang menyumbang kepada keamanan negara dan perpaduan dalam negara. Mereka perlu mendahulukan kepentingan awam daripada kepentingan diri.

Dr Sulaiman mahu kakitangan melaksanakan tugas dengan jujur, adil, bertanggungjawab dan cekap.

Beliau turut menjelaskan konsep kualiti yang merangkumi pelbagai aspek. Salah satu daripadanya ialah menentukan keadaan persekitaran yang bersih dan sihat. Ini perlu kerana pelanggan Kementerian Pertanian kini lebih terpelajar dan mengharapkan kualiti tinggi, kecekapan dan keberkesanan khidmat yang kita berikan. Mereka sedar akan hak mereka untuk mendapat layanan yang lebih adil dan munasabah.

Mereka memerlukan maklumat secara tepat mengenai keperluan atau syarat yang mesti dipenuhi untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan, termasuk masa yang diperlukan untuk sesuatu urusan. Oleh itu, adalah penting setiap janji dan Piagam Pelanggan yang ditetapkan Kementerian Pertanian ditunaikan.

Perhubungan yang baik dan akrab di antara warga Kementerian Pertanian di semua peringkat juga penting. Pelbagai langkah diambil untuk meningkatkan lagi kerjasama berkenaan. Pihak pengurusan Kementerian Pertanian sentiasa peka dengan masalah yang dihadapi oleh kakitangan, terutamanya kakitangan bawahan. Sebabnya kakitangan bermasalah bukan sahaja menjadi penghalang kepada pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian Pertanian tetapi juga merupakan liabiliti yang merugikan.

Menyedari kepentingannya, Dr Sulaiman menegaskan jemaah menteri baru-baru ini mengarahkan supaya bayaran gaji, elaun, bayaran lebih masa, tuntutan perjalanan dan bayaran lain dibuat dengan cepat dan tepat pada masanya.

Katanya tuntutan perjalanan, elaun dan bayaran lebih masa adalah sebahagian daripada pendapatan kakitangan terutamanya kakitangan bawahan seperti pemandu dan pembantu am rendah. Kelewatan bayaran akan menjejaskan perancangan perbelanjaan mereka dan mendatangkan kesusahan kepada mereka dan keluarga mereka.

Sesuai dengan konsep masyarakat penyayang, ketua jabatan lebih prihatin kepada kakitangan untuk melahirkan pekerja yang produktif. Dr Sulaiman mencadangkan Kementerian Pertanian mengadakan sebuah pusat penjagaan kanak-kanak untuk kakitangan kementerian berkenaan. Katanya antara tujuan mengadakannya ialah supaya kakitangan yang tinggal jauh seperti di Seremban, atau yang menghadapi masalah penjagaan anak-anak dapat menggunakan pusat itu. Ia diyakini dapat membantu menyelesaikan sebahagian daripada masalah kakitangan.

Sebagai sebuah organisasi kita perlu berubah mengikut masa. Bagi membawa perubahan yang dikehendaki ini, pendekatan utama adalah menerusi latihan, terutama sikap terhadap kerja. Latihan juga penting untuk menambah pengetahuan dan kemahiran atau menajamkan bakat yang sedia ada pada seseorang. Kini ada pelbagai latihan sebelum perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan dan latihan semasa bekerja yang dikendalikan oleh Kementerian Pertanian yang boleh disertai semua lapisan warga kementerian.

Di samping itu, dalam era yang serba canggih dan moden, maklumat yang tepat dan kemas kini sangat penting. Maklumat sangat perlu dalam proses membuat keputusan. Oleh itu, ledakan teknologi maklumat harus diperalatkan ke tahap maksimum. Kemajuan dalam teknologi maklumat sedang wujud membuatkan proses manual dan sistem fail dulu sebagai sistem utama pejabat kerajaan menjadi lapuk.

Adalah mustahak bagi Kementerian Pertanian meningkatkan kecekapan penggunaan sistem maklumat supaya boleh membuat keputusan yang tepat dan cepat bagi memenuhi matlamat dan wawasan organisasi. Untuk itu, semua kakitangan Kementerian Pertanian hendaklah menjadi 'computer literate' dalam bidang yang ada kaitan dengan kerja masing-masing. Dengan jenis 'software' yang ada sekarang, siapa saja boleh menggunakan komputer.

Langkah mewujudkan homepage 'Agrolink' adalah sesuatu yang tepat dengan peredaran masa dan kejayaan berkenaan, Kementerian Pertanian menerima anugerah Picom baru-baru ini. Perwujudan sistem maklumat mengenai pertanian melalui E-Mel/Internet memudahkan pelanggan Kementerian Pertanian mendapatkan maklumat terbaru.

(END)